

# Tunku Ali Redhauddin rasmi iCEPS10, C-FEST12

Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL

pengarang@utusan.com.my

■ SEREMBAN 13 NOV.

PRO-CANSELOR Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhauddin Tuanku Muhriz hari ini menyempurnakan perasmian Konvensyen Keusahawanan Islam Ke-10 (iCEPS10) dan Pesta Konvokesyen Ke-12 (C-FEST12) di USIM, Nilai dekat sini.

Konvensyen keusahawanan yang menempatkan 182 gerai perniagaan itu kali pertama dianjurkan pelajar tahun empat Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) bermula hari ini sehingga Ahad.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, usaha itu merupakan platform untuk pelajar khususnya dari FEM meningkatkan kemahiran insaniah sebagai persiapan sebelum melangkah ke alam pekerjaan.

"Peluang seperti itu perlu digunakan sebaik mungkin oleh pelajar kerana ilmu peningkatan kemahiran insaniah tidak boleh didapati secara terus di dalam bilik kuliah.

"Program iCEPS10 bukan sahaja membentuk jati diri menjadi lebih disiplin tetapi turut mendidik diri agar sentiasa bersedia menghadapi cabaran yang bakal ditempuhi dalam industri selepas tamat pengajian," katanya ketika berucap dalam majlis pelancaran di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib



**TUNKU ALI REDHAUDDIN TUANKU MUHRIZ** diiringi oleh Musa Ahmad (kanan) disambut oleh pelajar USIM ketika hadir merasmikan Pelancaran Pesta Konvokesyen Ke-12 USIM di Nilai, Negeri Sembilan, semalam.



Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Datuk Dr. Mustafa Mohd. Hanefah; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Zulki-

ple Abd. Ghani; Pengarah iCEPS10, Shahrul Arif Nordin; Pengarang *Utusan Malaysia*, Datuk Hassan Mohd. Noor dan Pemangku Pengurus Besar Pemasaran dan Pengedaran Utusan Melayu (M) Berhad, Rosman Zulkifli.

Tambah Musa, aktiviti universiti seperti itu mampu meningkatkan keterampilan pelajar dan asas komunikasi serta membentuk reputasi dan persepsi masyarakat bahawa pelajar dari universiti Islam juga mampu mengendalikan dan menyelaraskan majlis atau acara rasmi.

"Kita berharap orang ramai dapat hadir sepanjang pesta itu berlangsung dan menyertai pelbagai acara



**TUNKU ALI REDHAUDDIN TUANKU MUHRIZ** (tengah) melawat gerai Kumpulan Utusan sambil diiringi oleh Musa Ahmad (tiga dari kiri), Hassan Mohd Noor (dua dari kanan) dan Rosman Zulkifli (kiri) dan Pengurus Kanan Komunikasi Korporat, Nur Shafina Redzuan (dua dari kiri) ketika hadir merasmikan Pesta Konvokesyen Ke-12 USIM di Nilai, Negeri Sembilan, semalam. - UTUSAN/ABD RAZAK AID

yang dianjurkan," katanya.

Pesta yang berlangsung di tapak konvokesyen itu menyediakan pelbagai acara menarik termasuk *battle of nasyid*, bicara siswi, Simposium Ekonomi Kebangsaan (NES), karnival ulat buku bersama *Boboiboy*,

pertunjukan motosikal dan pertandingan rancangan perniagaan.

Akhbar *Utusan Malaysia* yang merupakan rakan strategik turut menyediakan pelbagai acara iaitu pertandingan mewarna, *mini explore*, *paintball*, mini studio, kari-

katur, bengkel wartawan muda dan pelbagai jualan murah produk Kumpulan Utusan.

Sementara itu, Tunku Ali Redhauddin sempat melawat gerai promosi Kumpulan Utusan dan beramah mesra dengan kakitangan.